

23/09/1998

12 tuduhan salah laku

BANTING, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim mungkin dihadapkan ke mahkamah minggu ini atas 12 pertuduhan termasuk salah laku seks jika keadaan mengizinkan, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Mohd Ghazali.

Sehubungan itu, beliau berharap rakyat terutama penyokong Anwar memberi kerjasama dan tidak menimbulkan keadaan yang boleh membahayakan ketenteraman awam supaya proses pendakwaan dapat dijalankan dengan baik dan lancar.

"Anwar sepatutnya dihadapkan ke mahkamah semalam tetapi suasana ketika itu tidak mengizinkan apabila kira-kira 10,000 penyokongnya berkumpul secara haram dan enggan bersurai walaupun polis memberi amaran.

"Oleh itu, polis terpaksa membuat keputusan tidak menghadapkan Anwar ke mahkamah kerana bimbang keadaan bertambah tegang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Penerangan Isu Semasa Negara anjuran Umno bahagian Kuala Langat di Dewan Sri Jugra di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Umno Kuala Langat yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco), Datuk Abdul Fatah Iskandar dan Timbalan Ketua Umno bahagian, Datuk Shafie Mohd Salleh.

Tajol Rosli berkata, Anwar kini masih ditahan di Bukit Aman mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ditanya sama ada pendakwaan itu dibuat di Mahkamah Shah Alam bagi mengelak kejadian di Mahkamah Sesyen dan Majistret Jalan Raja semalam, Tajol Rosli enggan menjelaskannya.

"Anwar akan dihadapkan ke mahkamah dalam minggu ini dengan 12 pertuduhan termasuk salah laku seks yang menjadi punca beliau dipecat daripada Kabinet dan parti oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bagaimanapun, jika penyokongnya menghalang, keadaan itu sudah tentu boleh melambatkan proses pendakwaan," katanya.

Mengenai penahanan beberapa pemimpin Umno termasuk Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mengikut ISA, Tajol Rosli berkata polis terpaksa berbuat demikian kerana mereka adalah penggerak utama kepada apa yang disifatkan polis boleh menjejaskan keselamatan dan keteraman awam.

"Siasatan polis juga menunjukkan, mereka bukan sahaja bertindak sebagai penggerak utama, malah dikesan sebagai penyumbang kewangan gerakan reformasi yang dilaungkan oleh Anwar.

"Kumpulan Anwar juga dikesan cuba menjatuhkan kerajaan pimpinan Dr Mahathir seperti apa yang berlaku kepada bekas Presiden Indonesia, Suharto," katanya.

Beliau juga berkata, kira-kira 5,000 anggota polis didatangkan khas ke Kuala Lumpur untuk menjaga ketenteraman awam sama ada untuk majlis penutup Sukan Komanwel '98 dan kekecohan yang ditimbulkan oleh penyokong Anwar di sekitar ibu kota, kelmarin dan semalam.

(END)